



TEROWONG PENGLIHATAN

MATA adik masih merah. Alergi adik dah hampir lapan tahun. Mata merah adik taklah selalu datang. Dalam setahun tiga atau empat kali. Kalau masa teruk, mata adik macam biji saga. Semua orang takut. Kelopak mata adik akan membengkak. Bulu mata adik melekat-lekat. Adik tak senang duduk.

Ditenyeh-tenyehnya mata. Sekarang mata adik bukan setakat bengkak tapi sakit. Dah seminggu merah mata adik menyerang lagi, dah dua hari mata adik sakit yang amat. Adik komplek tak boleh buka mata, adik kata sakit sangat. Ubat titik yang adik selalu simpan, adik pakai lagi kerap.

Aku ke kedai farmasi yang selalu adik pergi, dapat ubat lain lagi. Kata tuan kedai itu lagi mujarab. Adik pakai sampai tengah malam semalam. Akak tolong adik taruhkan ubat, akak tolong ingatkan adik taruh ubat setiap dua jam. Mama makin risau, abah pulak seperti tidak tahu bagaimana nak tolong adik.

“Esok kita kena pergi semula ke Hospital Rasah, jumpa Doktor Zaiton. Dah berapa hari ubat adik pakai macam tak elok-elok. Makin teruk pulak tu.” Mak berkerut dahi mendengar jawapan abah.

Marahlah Doktor Zaiton nanti tu, dahlah *appointment* tak pergi. Kali terakhir jumpa Doktor Zaiton seingat mak dua tahun dulu. Aku ingat lagi tarikh itu. Selepas itu kami tidak lagi membawa adik ke hospital

Aku faham kegusaran hati mak. Masih kuingat Doktor Zaitun yang ramah tapi tegas. Pantang kalau kami bawa adik datang lambat, mesti ditegur berserta sedikit 'leteran' panjang tentang peri pentingnya pemakaian ubat dan penjagaan persekitaran adik. Tapi itulah tanda perihatinnya seorang doktor. Raziq ni dapat masalah alergi mata yang agak teruk.

“Kita panggil VKC nama penyakitnya. Selalu kena pada remaja seperti Raziq. Sekarang Raziq dah masuk sekolah menengah. Insha-Allah dalam beberapa tahun lagi penyakit ini akan berkurang. Raziq kena sabar, ibu kena rajin *monitor* Raziq.” Pesannya pada hari terakhir kami membawa Raziq untuk rawatan susulan.

Masa tu masihku ingat, Raziq ceria, mata kurang merah mahupun gatal. Mata adik tak bengkak. Ubat adik guna pun sikit je. Kalau merah mata selalunya koleksi ubat adik banyak. Aku pun keliru kekadang, ubat mana yang nak taruh dulu. Nasib baik setiap botol ada nombor yang ditulis oleh *pharmacist*, sangat memudahkan.

“Yang penting, setiap kali mata Raziq merah, puan kena bawa Raziq ke hospital sebab kita kena *start* semula ubat-ubat matanya. Jangan dibiarkan,” nasihat Doktor Zaitun terus kami dengari dengan tekun.

“Betul, kita tak boleh hilangkan penyakit ini sama sekali dalam tempoh yang cepat. Yang penting, kita kena kawal radang masa ia berlaku supaya mata Raziq tidak akan berparut. Tujuannya bila penyakit Raziq dah surut bila Raziq besar nanti, tiada kesan parut teruk yang tinggal,” sambungnya lagi. Kami diam sahaja sambil cuba menghadam penerangan yang disampaikan.

Raziq, satu-satunya adik lelakiku. KEPADANYA kami tambatkan segunung harapan. Sebagai pewaris dan wali kepada kami yang perempuan sekiranya ayah tiada nanti. Jadi seliaan emak dan kami sekeluarga agak lebih terhadapnya.

Doktor Zaitun meneruskan urusannya memeriksa mata Raziq. “Parut boleh menyebabkan Raziq kekal buta selamanya. Kita tak nak perkara itu berlaku. Panjang ceritanya nanti.” Kulihat ibu mengangguk faham. Aku pun cuba memahami bait-bait ayat Doktor Zaitun supaya senang aku nak tolong ibu jaga adik.